

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebabnya bayaran untuk rawatan dialisis untuk pesara Kerajaan di pusat-pusat dialisis swasta adalah tertunggak selama enam bulan di beberapa pusat dialisis.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa memastikan supaya proses tuntutan pembayaran untuk perkhidmatan rawatan dialisis bagi pesara Kerajaan di pusat dialisis swasta diselesaikan dalam tempoh 14 hari oleh pihak Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] untuk pesara sektor awam Persekutuan dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Kementerian Pertahanan Malaysia untuk bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sebagai contoh, pada bulan September 2016 sebanyak 94.24% (131 tuntutan bayaran) daripada keseluruhan tuntutan telah dibayar dalam tempoh sama atau kurang dari 14 hari daripada tarikh diterima dokumen lengkap oleh pihak KWAP. Hanya 5.76% atau 8 tuntutan bayaran lagi adalah melewati tempoh 14 hari.

Bagi kes-kes tertunggak yang melebihi 14 hari, sebab utamanya adalah keperluan melakukan semakan teliti atas tuntutan pembayaran untuk mengelakkan penyelewengan tuntutan oleh pusat dialisis terlibat.

Semakan ini perlu dibuat kerana terdapat:

- (i) Tuntutan daripada pusat dialisis swasta yang belum mendapat kelulusan tarikh pembaharuan Lesen Untuk Mengendalikan Atau

Menyediakan Kemudahan Atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Borang 4) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

- (ii) Tuntutan daripada pusat dialisis swasta yang berdaftar dengan JPA yang tidak lengkap, contohnya tiada perakuan penerimaan rawatan oleh pesara (tiada tandatangan pesara) dan tiada perakuan daripada pengendali pusat dialisis swasta bahawa perkhidmatan telah diberikan;
- (iii) Tuntutan yang tiada disertakan surat kelulusan pembiayaan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ KWAP atas nama pesara/ pesakit yang dituntut oleh pusat dialisis swasta; dan
- (iv) Amaun pada borang tuntutan tidak sama dengan inbois yang dikemukakan oleh pusat dialisis swasta yang berdaftar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH : 17.11.2016

SOALAN : NO. 42

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mengapakah kebenaran tetap di berikan kepada penganjur Pertandingan GoKart EIMARACE Peringkat Kebangsaan, sedangkan Persatuan Automobil Malaysia AAM sudah pun menolak permohonan dan menyatakan bahawa aspek-aspek keselamatan tidak dipenuhi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makuman Ahli Yang Berhormat, penganjuran Perlumbaan Automotif dan Inovasi Pendidikan (EIMARACE) di Indera Mahkota, Kuantan, Pahang pada 25 September 2016 telah mendapat permit dari Motorsport Association Malaysia (MAM). Langkah-langkah keselamatan telah diambil sebagaimana mengikut standard piawaian MAM. Pihak penganjur telah menggunakan khidmat kepakaran MAM semenjak penganjuran program EIMARACE kali pertama diadakan pada tahun 2007. Kementerian Pendidikan Tinggi juga mengambil maklum bahawa siasatan berhubung insiden EIMARACE 2016 telah dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri dan sedang menunggu penilaian daripada pejabat Peguam Negara.